

07/09/2002

Kerajaan atasi masalah e-Village

CYBERJAYA, Jumaat - Kerajaan sedang mencari jalan bagi menyelesaikan masalah membabitkan projek perkampungan hiburan e-Village di Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa pemaju e-Village sebelum ini tidak dapat menganggar dengan tepat berapa banyak modal yang diperlukan bagi projek itu.

"Setelah separuh jalan, syarikat itu menghadapi masalah wang tunai dan tidak dapat membayar upah kontraktor. Kami sedang berusaha membawa masuk pelabur lain tetapi masih ada masalah.

"Tetapi saya percaya kami akan dapat menyelesaikannya," katanya pada sidang akhbar bersama di akhir mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP)-MSC di sini pagi ini.

Projek itu tergendala kerana masalah kewangan pemaju induknya, Entertainment Village Sdn Bhd (EVSB). Projek e-Village membentuk sebahagian daripada inisiatif MSC untuk memajukan keupayaan dalam bahagian kandungan elektronik, multimedia, pendidikan, eko-pelancongan, seni elektronik dan industri animasi.

Dalam sidang akhbar selepas pertemuan satu dengan satu bersama beberapa anggota IAP di sini petang ini pula, Dr Mahathir berkata perjumpaan itu membolehkannya menyatakan bentuk sokongan kerajaan yang boleh diberikan kepada syor yang dikemukakan mereka.

Katanya, antara yang dibincangkan dengan wakil Microsoft yang memperkenalkan komputer kecil 'tablet', ialah bagaimana ia boleh digunakan oleh pelajar untuk membaca, termasuk buku teks.

"Kami sudah lama mencadangkan projek ini, tetapi hingga kini tiada model yang mempunyai fungsi yang sesuai untuk digunakan sebagai pengganti buku teks dan buku latihan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, anggota IAP-MSC komited untuk membantu sektor awam dan swasta Malaysia agar inisiatif negara ke arah kerajaan elektronik akan memberi kesan lebih besar.

Pada masa yang sama, katanya, ada juga cadangan supaya syarikat global dengan hubungan di seluruh dunia bekerjasama dengan syarikat Malaysia bagi memasarkan produk buatan tempatan di peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, Oracle sudah membantu syarikat tempatan memasarkan perisian pengurusan lapangan terbang kepada Lapangan Terbang Fort Worth, salah satu lapangan terbang terbesar di Amerika Syarikat. Jadi, keupayaan Malaysia agak jelas di sini," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan menyambut baik usaha semua pihak termasuk syarikat kecil berstatus MSC untuk mengusulkan idea dan mendapatkan kontrak bagi kemajuan inisiatif MSC.

Beliau berkata, kerajaan menerima apa juga cadangan yang diusulkan walaupun daripada syarikat kecil asalkan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan idea itu.